


# Buletin MOT

Edisi 6 • Jun 2019



## Perhimpunan Bulanan MOT Jun 2019 Dan Majlis Ramah Mesra Bersama YB Menteri Pengangkutan

*Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah mengadakan Perhimpunan Bulanan MOT Jun 2019 pada 19 Jun 2019 bertempat di Dewan Gunasama, Aras 2, Kementerian Pengangkutan Malaysia yang diadakan bersekali dengan Majlis Ramah Mesra Bersama Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook.*



*Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook menyampaikan ucapan sempena Perhimpunan Bulanan MOT Bulan Jun 2019*



*Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook dan Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Haji Kamarudin Jaffar menyampaikan sumbangan duit raya kepada para pelajar dari Pusat Kebajikan, Pendidikan Dan Tahfiz Baitul Ukhfaz Seri Kembangan, Selangor*

Majlis yang dihadiri kira-kira 1,000 orang warga MOT serta jabatan dan agensi turut dimeriahkan dengan kehadiran para pelajar dari Pusat Kebajikan, Pendidikan Dan Tahfiz Baitul Ukhfaz Seri Kembangan, Selangor serta wakil media cetak dan elektronik.

Turut hadir bagi memeriahkan majlis ini ialah Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Dato' Haji Kamarudin Jaffar, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MOT, Tuan Syed Nasir Syed Ahmad, pemain-pemain industri pengangkutan serta wakil dari persatuan teksi.

## Bas Ekspres Khas Untuk Penumpang Wanita Laluan KL<=>Seremban Pada Waktu Puncak

*Syarikat bas ekspres yang menawarkan perkhidmatan laluan Kuala Lumpur<=>Seremban kini perlu menyediakan perkhidmatan bas khas untuk penumpang wanita pada waktu puncak. Ini kerana pada masa ini kira-kira 2,000 orang menggunakan perkhidmatan bas ekspres antara dua destinasi itu pada waktu puncak.*



*YB Menteri Pengangkutan berkesempatan menemubual beberapa penumpang wanita perkhidmatan bas ekspres Seremban-Kuala Lumpur semasa lawatan ke Stesen Bas Terminal One Seremban*  
Sumber gambar : Facebook - Agensi Pengangkutan Awam Darat

Langkah ini adalah bertujuan memastikan keselesaan penumpang wanita yang menggunakan perkhidmatan itu. Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook berkata demikian semasa lawatan ke Stesen Bas Terminal One, Seremban pada 13 Jun 2019. Arahan tersebut berikutan permintaan tinggi khususnya daripada kalangan penumpang wanita yang menggunakan perkhidmatan itu untuk ke tempat kerja pada setiap pagi.

Buat masa ini, terdapat tiga syarikat yang menawarkan perkhidmatan bas ekspres laluan Kuala Lumpur<=>Seremban dan telah dimaklumkan untuk menyediakan empat perjalanan bagi setiap jam antara jam 5 hingga 7 pagi dan 5 petang hingga 7 malam khas untuk wanita.

# Traktor Pintar Tanpa Pemandu Di Pelabuhan Tanjung Pelepas

*Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) mengambil inisiatif berani ke arah automasi dengan mengaplikasikan penggunaan teknologi terkini dalam pengurusan pelabuhan. Melalui Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Terberg Tractors Malaysia (TTM) yang telah ditandatangani pada 18 Jun 2019, PTP bakal menggunakan teknologi traktor pintar tanpa pemandu di pelabuhan itu bagi kerja-kerja memindahkan kontena di dalam terminal. Majlis menandatangani MoU yang diadakan di Wisma PTP, Gelang Patah itu telah disaksikan oleh Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook.*

Traktor pintar tanpa pemandu ini dijangka akan beroperasi dalam tempoh antara dua hingga lima tahun. Penggunaan teknologi ini akan memakan sedikit masa kerana 'transponder' yang diguna pakai sedia terbina dalam traktor dan bukan dipasang di laluan atas jalan.

Langkah PTP ini merupakan satu penambahbaikan yang akan memastikan pelabuhan itu berdaya saing di peringkat antarabangsa. Inisiatif ini turut menyumbang kepada misi untuk mengukuhkan sistem pengangkutan yang didorong oleh teknologi yang juga akan bertindak sebagai pemangkin pembangunan negara.



*Majlis menandatangani MoU antara Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) dan Terberg Tractors Malaysia (TTM) pada 18 Jun yang lalu telah disaksikan oleh YB Menteri Pengangkutan*

Perjanjian kerjasama dengan pemain industri tempatan oleh Terberg Group Royal Dutch menerusi Terberg Tractors Malaysia merupakan langkah yang sangat proaktif. Kajian traktor terminal autonomi akan memberikan pengetahuan penting yang bukan sahaja dapat meningkatkan kecekapan operasi PTP malah bakal membuka kemungkinan baru untuk PTP berada di barisan hadapan industri. Pengilang trak terkenal dunia ini juga turut bersedia untuk berkongsi pengetahuan luas dan teknologi canggih mereka dengan mana-mana universiti tempatan Malaysia.



*Sebahagian daripada 28 orang kakitangan ERL dan E-MAS yang bakal dihantar bertugas selama dua bulan bagi menyokong operasi Makkah Metro pada musim haji pada tahun ini*

## Peminjaman Kakitangan Ke Makkah Metro Untuk Menyokong Operasi Haji Tahun 2019

*Dalam usaha untuk memperluaskan kepakarannya di seluruh dunia, Express Rail Link Sdn Bhd (ERL) mengumumkan akan terus menyokong Al Mashaaer Al Muqaddassah Metro atau Makkah Metro semasa musim haji pada tahun ini.*

Kira-kira 28 kakitangan mahir dari ERL serta kakitangan ERL Maintenance Support Sdn Bhd (E-MAS) akan ditugaskan di Arab Saudi selama dua bulan bermula bulan Jun. Antara tugas mereka adalah sebagai Deputy Station Manager, Assistant Station Master, Station Master dan Station Control Room Agent.

Tahun ini merupakan tahun ke-lapan ERL menugaskan kakitangan mereka untuk sistem kereta api Makkah Metro yang beroperasi hanya tujuh hari setiap tahun semasa musim haji. Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Dato' Haji Kamarudin Jaffar telah dijemput bagi menyempurnakan majlis pengumuman tersebut pada 14 Jun 2019 yang lalu.

## Kempen Penggunaan Pengangkutan Awam Tanpa Tunai

*Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook telah melancarkan 'Kempen Penggunaan Pengangkutan Awam Tanpa Tunai' di KL Sentral, Kuala Lumpur pada 17 Jun 2019. Kempen ini adalah bagi mempromosikan kesedaran dan penggunaan sistem tanpa tunai iaitu menggalakkan penggunaan kad tanpa sentuh dan e-wallet oleh pengguna pengangkutan awam terutamanya pengguna servis rel.*

YB Menteri Pengangkutan juga menggalakkan operator pengangkutan awam memanfaatkan analisa data melalui sistem tanpa tunai berkenaan dalam usaha memperkenalkan harga dinamik di samping meningkatkan jumlah pengguna pengangkutan awam dan memudahkan perjalanan mereka. Kempen ini dianjurkan oleh Express Rail Link Sdn Bhd (ERL) dan hasil kerjasama dengan Boost e-wallet, GrabPay, Mastercard, Maybank, Touch 'n Go, UnionPay dan Visa.



*'Kempen Penggunaan Pengangkutan Awam Tanpa Tunai' anjuran ERL mendapat kerjasama Boost e-wallet, GrabPay, Mastercard, Maybank, Touch 'n Go, UnionPay dan Visa*

# Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM)



MAVCOM telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Mac 2016 di bawah Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 sebagai satu entiti bebas yang bertanggungjawab untuk mengawal selia perkara ekonomi dan komersial berhubung dengan industri penerbangan awam di Malaysia. Matlamat utama MAVCOM adalah untuk menjadikan industri penerbangan awam di Malaysia berdaya maju dari segi komersial berorientasikan pengguna dan berdaya tahan agar dapat menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)	Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)	Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM)
MOT bertanggungjawab <b>menggubal dasar industri</b> dan mengadakan rundingan pelbagai hala mengenai hak lalulintas	CAAM berperanan <b>mengawal isu teknikal dan keselamatan</b> untuk industri penerbangan awam Malaysia	MAVCOM <b>mengawal selia perkara ekonomi dan komersial</b> berhubung dengan industri penerbangan awam Malaysia

Jadual A : Perbezaan peranan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM)

## Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM)

Tingkat 19, Menara 1 Sentrum, 201 Jalan Tun Sambanthan, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia

[www.mavcom.my](http://www.mavcom.my)  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia

## MAVCOM Meluluskan 100% Hak Trafik Udara bagi Suku Kedua Akhir 2019

MAVCOM baru-baru ini memaklumkan peruntukan Hak Trafik Udara (ATR) suku tahunan kedua yang merangkumi peruntukan yang diberikan kepada syarikat-syarikat penerbangan bagi tempoh 1 April hingga 30 Jun 2019.

Daripada 51 permohonan ATR, 37.3 peratus adalah untuk laluan domestik manakala 62.7 peratus adalah untuk laluan antarabangsa. MAVCOM telah meluluskan sebanyak 19 laluan domestik, 22 laluan ke destinasi ASEAN, 5 laluan ke China, 2 laluan ke India dan 3 laluan ke destinasi Asia yang lain.

Bagi suku kedua tahun 2019, Kumpulan AirAsia menerima jumlah peruntukan tertinggi iaitu sebanyak 22 ATR. Ini diikuti oleh Malaysia Airlines Berhad dan Malindo Air dengan 19 dan 8 masing-masing peruntukan bagi tempoh yang sama.

Maklumat lanjut mengenai kriteria berkenaan Hak Trafik Udara atau Air Traffic Rights (ATR) akan dikongsikan dalam Buletin MOT edisi Julai 2019

## Tiga Tren Empat Gerabak KL Monorel Beroperasi Ogos Ini

Tiga set tren empat gerabak KL Monorail akan beroperasi pada Ogos ini dan dijangka dapat menyelesaikan masalah kekurangan kapasiti penumpang monorel yang dihadapi pengguna ketika ini.

Setakat ini, terdapat enam set tren dua gerabak sahaja yang sedang beroperasi dan hanya mampu menampung seramai 214 penumpang bagi setiap perkhidmatan. Ia tidak mencukupi lebih-lebih lagi pada waktu puncak dan menyebabkan keadaan tidak selesa bagi pengguna.

Pada 11 Jun 2019, Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook telah mengadakan lawatan pemeriksaan ke Depoh Monorel di Brickfields bagi meninjau kerja-kerja membaik pulih 5 set tren 4-gerabak Rapid KL Laluan Monorel yang telah diberhentikan operasinya sejak Januari tahun lepas. Pemeriksaan ini bertujuan untuk memastikan kerja-kerja menaiktaraf set tren ini dapat dijalankan mengikut jadual yang telah ditetapkan.



Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook dibawa meninjau dan diberi taklimat mengenai status terkini kerja-kerja membaik pulih 5 set tren Rapid KL Laluan Monorel

Prasarana Malaysia Bhd (Prasarana) dan Scomi Transit Projects Sdn Bhd (STP) telah memeterai perjanjian peroleh dan baik pulih tren monorel di bawah perkhidmatan KL Monorail pada April lalu. Menerusi perjanjian itu, STP akan membaik pulih lima set tren empat gerabak yang dihentikan perkhidmatan sejak Januari 2018 bagi tujuan pembaikan selain membekalkan tujuh lagi set tren yang baharu dalam tempoh 20 bulan.

Tambahan dua set tren lagi dijangka beroperasi pada November ini bagi memastikan kapasiti untuk perkhidmatan monorel dapat dipertingkatkan dan mengembalikan jumlah penumpang monorel daripada sekadar 31,000 orang kepada 70,000 orang setiap hari.

